

TAWARAN E

**PERMOHONAN KEMUDAHAN CUTI BELAJAR BAGI MENGIKUTI KURSUS
DALAM PERKHIDMATAN SECARA SEPENUH MASA SESI AKADEMIK
TAHUN 2021/2022 KEPADA PEGAWAI KUMPULAN PELAKSANA (BUKAN
GUNASAMA) LANTIKAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Permohonan Tawaran E terbuka kepada **Pegawai Kumpulan Pelaksana (Bukan Gunasama) lantikan KKM** untuk memohon kursus peringkat Diploma / Ijazah Sarjana Muda dan pegawai boleh memilih salah satu kategori Cuti Belajar untuk pengajian sesi akademik 2021 / 2022 iaitu:-

- i. Cuti Belajar Separuh Gaji Tanpa Hadiah Latihan Persekutuan (CBSG Tanpa HLP) bagi kursus dalam dan luar negara

ATAU

- ii. Cuti Belajar Tanpa Gaji Tanpa Hadiah Latihan Persekutuan (CBTG Tanpa HLP) bagi kursus dalam dan luar Negara

PERMOHONAN TAWARAN E : KUMPULAN PELAKSANA (BUKAN GUNASAMA)
LANTIKAN KKM UNTUK MENGIKUTI KURSUS DALAM PERKHIDMATAN SECARA
SEPENUH MASA SESI AKADEMIK 2021 / 2022

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. Calon-calun bagi tawaran ini hendaklah memenuhi syarat-syarat asas seperti berikut:-
 - i. Pegawai Kerajaan Kumpulan Pelaksana yang sedang **berkhidmat dalam perkhidmatan tetap**;
 - ii. Pada 1 Januari 2021, calon mestilah berumur **tidak melebihi 45 tahun** bagi pengajian peringkat Diploma / Ijazah Sarjana Muda;
 - iii. **Telah berkhidmat** sekurang-kurangnya selama **tiga (3) tahun** (lantikan selewat-lewatnya pada **(1 Januari 2017)** pada tarikh tutup permohonan;
 - iv. **Telah disahkan dalam perkhidmatan terkini** pada tarikh tutup permohonan;
 - v. Mempunyai prestasi cemerlang dengan purata markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) bagi tiga (3) tahun terakhir berturut-turut (2017, 2018 & 2019) **tidak kurang daripada 85% (penilaian genap 12 bulan bagi setiap tahun)**;
 - vi. Mematuhi syarat genap tempoh tamat mengikuti kursus jangka panjang / sederhana dan pendek (Contohnya: Kursus Pos Basik dan Diploma Lanjutan) seperti berikut:

Tempoh Kursus	Tempoh Tamat Mengikuti Kursus (pada 1 Januari 2021)
Lebih daripada 12 bulan	2 tahun
Lebih daripada 3 bulan sehingga genap 12 bulan	1 tahun
Kurang daripada 3 bulan	Tiada

- vii. **Tidak pernah menerima** sebarang tajaan Kerajaan Malaysia bagi peringkat kursus yang sama;
- viii. **Tidak pernah gagal atau menarik diri** daripada sebarang kursus yang mendapat tajaan daripada Kerajaan Malaysia sebelum ini;

- ix. **Tidak pernah menolak tawaran** Cuti Belajar Tanpa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) yang ditawarkan di dalam tempoh **dua (2) tahun** yang lepas;
 - x. **Masih belum mendapat tempat di mana-mana institusi pengajian tinggi** di dalam negara **atau telah mendapat tempat pengajian tetapi belum memulakan pengajian** di mana-mana institusi pengajian tinggi di dalam / luar negara;
 - xi. Pegawai yang memohon kemudahan ini hendaklah mengikuti kursus pada **peringkat yang lebih tinggi** daripada kelayakan akademik yang telah dimiliki;
 - xii. Permohonan **diperaku oleh Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan**;
 - xiii. Pegawai bersih daripada sebarang pertuduhan / prosiding dan tindakan tatatertib, siasatan dan / atau dalam proses dakwaan mahkamah;
 - xiv. **Telah mengisytiharkan harta**; dan
 - xv. **Bebas daripada penyakit yang boleh menjejaskan keupayaan** untuk mengamalkan perubatan (*unfit to practice*) dari segi fizikal dan mental seperti yang terkandung di dalam Akta Perubatan 1971 seperti di **Lampiran 1**.
2. Permohonan ini adalah bagi sesi pengajian tahun 2021 / 2022 dan **terbuka kepada semua Pegawai Kumpulan Pelaksana (Bukan Gunasama dan Kader) lantikan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sahaja**.
 3. **Senarai kursus yang diiktiraf** oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) boleh disemak di <http://www2.mqa.gov.my/MQR/> (terpakai bagi permohonan di peringkat diploma dan ijazah Sarjana Muda) di dalam dan luar negara.
 4. Semua permohonan yang dikemukakan hendaklah mematuhi prinsip-prinsip asas yang dinyatakan dalam **Garis Panduan Kemudahan Cuti Belajar Kepada Pegawai Awam Yang Mengikuti Kursus Jangka Sederhana dan Kursus Jangka Panjang Secara Sepenuh Masa** seperti di **Lampiran 2**.
 5. Calon-calon boleh menyemak keputusan pada **Disember 2020** di laman sesawang <http://ehlp.moh.gov.my>. Pengumuman berhubung keputusan permohonan akan diwar-warkan melalui emel Postmaster KKM dan melalui laman sesawang <http://ehlp.moh.gov.my>.

6. Pegawai yang menerima kemudahan Cuti Belajar Tanpa HLP adalah dikenakan **ikatan kontrak untuk berkhidmat dengan kerajaan** atau **dikenakan tuntutan ganti rugi sekiranya melanggar syarat-syarat perjanjian.**
7. Penerima kemudahan juga tertakluk kepada ketetapan dalam **Garis Panduan Dasar Pelaksanaan Tindakan Penalti kepada Pemegang Biasiswa dalam perkhidmatan yang gagal menamatkan pengajian dengan jayanya** sebagaimana yang telah ditetapkan oleh JPA seperti yang disertakan di **Lampiran 3.**

CARA UNTUK MEMOHON

8. Borang permohonan Cuti Belajar boleh didapati dengan melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan Malaysia (<http://www.moh.gov.my>), Bahagian Pengurusan Latihan KKM (<http://latihan.moh.gov.my>) dan Sistem Permohonan eHLP KKM (<http://ehlp.moh.gov.my>) di bawah **tawaran E untuk kumpulan Pelaksana mulai 14 September 2020.**
9. Calon hendaklah **melengkapkan dokumen permohonan mengikut Senarai Semak di Lampiran 4 dan mencetak borang permohonan** untuk diperakukan oleh Ketua Jabatan masing-masing dengan sokongan daripada Penyelia / Ketua Unit.
10. Calon adalah diingatkan supaya **membaca syarat-syarat dan tatacara permohonan dengan teliti. Permohonan yang tidak memenuhi syarat atau tidak lengkap akan ditolak.**
11. Dokumen yang **WAJIB** dihantar adalah seperti berikut:-
 - i. **2 dokumen asal** borang permohonan **KKM(BPL)LDP 2020 (I) PELAKSANA (E)** yang telah diperakukan berserta gambar berukuran *passport*,
 - ii. **2 dokumen asal** Surat Sokongan Dan Ulasan (*Covering Letter*) daripada Jabatan / Tempat Bertugas dari segi kebenaran mengikuti latihan / kesesuaian bidang (**seperti contoh di Lampiran 5**);
 - iii. **2 dokumen asal** Surat Permohonan Cuti Belajar daripada calon yang memohon (**seperti contoh di Lampiran 6**);
 - iv. **2 salinan** buku perkhidmatan yang terkini yang telah disahkan;
 - v. **2 dokumen asal** pengesahan markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) (**seperti contoh di Lampiran 7**);

- vi. **2 salinan** Surat Tawaran Biasiswa dan dokumen kontrak yang telah disahkan salinan asal sekiranya menerima tajaan daripada pihak luar; dan
 - vii. **2 salinan** Sijil Diploma yang telah disahkan (bagi permohonan kursus peringkat Ijazah Sarjana Muda sahaja); dan
 - viii. **2 salinan** Senarai Tugas terkini (seperti contoh di dalam fail meja).
12. Borang permohonan Cuti Belajar Tanpa HLP yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada **Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan** bagi mendapatkan perakuan. Permohonan yang **tidak melalui Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan tidak akan dipertimbangkan**.
13. **Permohonan dibuka bermula 14 September 2020 sehingga 9 Oktober 2020.** Tarikh-tarikh penting mengenai tawaran ini adalah seperti berikut:

BIL.	PERKARA	TARIKH
i.	Pengumuman iklan tawaran Cuti Belajar di laman web Kementerian Kesihatan Malaysia (http://www.moh.gov.my), Bahagian Pengurusan Latihan KKM http://latihan.moh.gov.my dan Sistem Permohonan eHLP KKM (http://ehlp.moh.gov.my)	14 September 2020
ii.	Tarikh tutup penerimaan dokumen <i>hardcopy</i> (Tawaran E) di Bahagian Pengurusan Latihan.	9 Oktober 2020
iii.	Semakan keputusan tawaran (Tawaran E) di Sistem Permohonan eHLP KKM (http://ehlp.moh.gov.my)	Disember 2020

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN / PENYELIA

14. Sila ambil maklum bahawa pemberian Cuti Belajar Tanpa HLP **dikecualikan daripada menyertakan surat tawaran universiti** sewaktu menghantar permohonan. Sekiranya permohonan yang dikemukakan adalah lengkap dan menepati semua syarat, calon akan diberikan tawaran bersyarat cuti belajar sekiranya berjaya. **Surat kelulusan rasmi akan dikeluarkan setelah calon mengesahkan tempat di universiti dan menyempurnakan borang perjanjian.**
15. Ketua Jabatan adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi **sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan.** Adalah

menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan **untuk memperakukan pegawai yang benar-benar sesuai, berkelayakan serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.**

16. Ketua Jabatan adalah diminta untuk membuat perancangan yang teliti dan hanya memperakukan **calon yang boleh dilepaskan untuk Cuti Belajar Separuh Gaji Tanpa Hadiah Latihan Persekutuan (CBSG Tanpa HLP) atau Cuti Belajar Tanpa Gaji Tanpa Hadiah Latihan Persekutuan (CBTG Tanpa HLP) pada tahun 2021 / 2022 kelak.** Dimaklumkan bahawa CBSG Tanpa HLP atau CBTG Tanpa HLP Kumpulan Pelaksana akan mengambil tempoh 3 hingga 4 tahun bagi Ijazah Sarjana Muda dan 2 hingga 3 tahun bagi Diploma.
17. **Pencalonan lengkap hendaklah dikemukakan dan dihantar pada atau sebelum 9 Oktober 2020 melalui Ketua Jabatan** kepada alamat berikut:

Unit Program Latihan Kepakaran 1
Cawangan Operasi Latihan
Bahagian Pengurusan Latihan
Aras 6, Menara Prisma
No. 26 Persiaran Perdana, Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 Putrajaya
(u.p: Urusetia Cuti Belajar Kumpulan Pelaksana)

18. Bahagian Pengurusan Latihan berhak menolak dan tidak memproses permohonan yang didapati tidak mematuhi syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan.
19. Sebarang pertanyaan berhubung permohonan CBSG Tanpa HLP / CBTG Tanpa HLP, sila hubungi:

No. Telefon : 03-8885 0600 ext. 6113
Email : psuldp1@moh.gov.my

JENIS-JENIS PENYAKIT KRONIK

- a. Kanser;
- b. Serangan jantung;
- c. *Pulmonary Hypertension*;
- d. Penyakit buah pinggang yang kronik;
- e. Penyakit hati (*liver*) yang kronik;
- f. Hepatitis;
- g. Kecederaan di kepala disebabkan kemalangan;
- h. Tumor dan kecacatan pembuluh darah di otak;
- i. Melepuh dan melecur kerana kebakaran;
- j. Pemindahan organ utama;
- k. Penyakit Parkinson;
- l. Penyakit HIV atau AIDS atau kedua-duanya;
- m. Pemindahan kaki dan tangan;
- n. Skizofrenia;
- o. Kecederaan atau kecacatan fizikal yang dialami semasa menjalani latihan atau kursus yang disahkan oleh Pakar Perubatan Kerajaan dan Pakar Perubatan yang diperakukan oleh penaja sebagai tidak sihat untuk meneruskan pengajian; dan
- p. Lain-lain penyakit yang disahkan sebagai penyakit kronik dan tidak sihat untuk meneruskan pengajian oleh Pakar Perubatan Kerajaan dan Pakar Perubatan yang diperakukan oleh penaja.

JPA(L)S. 175/4/1-1 KLT. 8 (22)

**GARIS PANDUAN KEMUDAHAN CUTI BELAJAR KEPADA PEGAWAI
AWAM YANG MENGIKUTI KURSUS JANGKA SEDERHANA DAN
KURSUS JANGKA PANJANG SECARA SEPENUH MASA**

TUJUAN

1. Garis Panduan ini bertujuan untuk menjelaskan mengenai dasar pemberian kemudahan cuti belajar kepada pegawai awam bagi mengikuti kursus jangka sederhana dan kursus jangka panjang/secara sepenuh masa sama ada dengan biasiswa, tanpa biasiswa atau dengan tajaan persendirian.

TAFSIRAN

2. Bagi tujuan Garis Panduan ini;

- i. **“Biasiswa”** bermakna kemudahan yang diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Asing atau Badan Antarabangsa bagi membiayai yuran pengajian, elaun sara hidup dan kemudahan-kemudahan lain semasa dalam tempoh berkursus;
- i. **“Cuti Belajar”** (dalam Perintah Am Bab C 1974 disebut sebagai Cuti Berkursus) bermakna cuti yang diluluskan oleh Kerajaan kepada seseorang pegawai bagi mengikuti kursus jangka sederhana dan kursus jangka panjang secara sepenuh masa. Dalam tempoh tersebut, pegawai dibenarkan meninggalkan tugas untuk berkursus dan tidak dikira sebagai putus perkhidmatan atau sebagai berhenti kerja;

- i. **“Kursus”** bermakna sebarang kursus atau latihan berbentuk akademik atau kemahiran atau kepakaran, latihan amali / latihan praktikal, program sangkutan/*internship*;
- ii. **“Kursus Jangka Sederhana”** bermakna kursus sepenuh masa yang tempohnya melebihi tiga (3) bulan tetapi tidak melebihi dua belas (12) bulan kalendar termasuk hari kelepasan mingguan, kelepasan am dan cuti akademik;
- v. **“Kursus Jangka Panjang”** bermakna kursus sepenuh masa yang tempohnya melebihi dua belas bulan kalendar termasuk hari kelepasan mingguan, kelepasan am dan cuti akademik;
- vi. **“Tempoh Cuti Belajar”** bermakna suatu tempoh yang diluluskan meliputi:
 - a. tempoh kursus yang diikuti termasuk hari kelepasan mingguan, hari kelepasan am dan cuti akademik yang jatuh dalam masa kursus itu;
 - b. tempoh perjalanan ke tempat kursus dan perjalanan balik selepas kursus mengikut jalan yang paling dekat; dan/ atau
 - c. tempoh menunggu di luar negara yang tidak dapat dielakkan kerana urusan perjalanan setempat (Perintah Am 36 Bab C 1974).

LATAR BELAKANG

3. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 telah menggariskan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam. Bagi menyokong dasar tersebut, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2005 yang merangkumi struktur dan program-program latihan yang lebih sistematik dan komprehensif telah dikeluarkan sebagai garis panduan untuk memastikan supaya anggota awam dilengkapi dengan latihan berasaskan kompetensi dan pembelajaran berterusan.

4. Bagi melengkapkan kedua-dua Dasar dan Pelaksanaan Pelan Latihan Sektor Awam tersebut, Garis Panduan Kemudahan Cuti Belajar ini dikeluarkan sebagai rujukan kepada Kementerian/Jabatan/Agensi dalam menguruskan pemberian cuti belajar kepada pegawai-pegawai yang ingin mengikuti kursus yang melebihi tigabulan.

KATEGORI CUTI BELAJAR

5. Kemudahan cuti belajar dibahagikan kepada tiga (3) kategori seperti berikut:

i. Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP)

Cuti yang diluluskan oleh pihak berkuasa melulus kepada seseorang pegawai untuk mengikuti kursus atau pengajian di mana dalam tempoh tersebut pegawai dibayar gaji, imbuhan tetap dan lain-lain elaun yang berkelayakan mengikut syarat dan peraturan yang ditetapkan sama ada dengan atau tanpa biasiswa.

i Cuti Belajar Separuh Gaji (CBSG)

Cuti yang diluluskan oleh pihak berkuasa melulus kepada seseorang pegawai untuk mengikuti kursus atau pengajian di mana dalam tempoh tersebut, pegawai dibayar gaji, imbuhan tetap dan lain-lain elaun yang berkelayakan atas kadar separuh mengikut syarat dan peraturan yang ditetapkan sama ada dengan atau tanpa biasiswa.

i Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG)

Cuti yang diluluskan oleh pihak berkuasa melulus kepada seseorang pegawai untuk mengikuti kursus atau pengajian di mana dalam tempoh tersebut, pegawai tidak dibayar gaji, imbuhan tetap dan lain-lain elaun yang berkelayakan mengikut syarat dan peraturan yang ditetapkan sama ada dengan atau tanpa biasiswa.

PRINSIP-PRINSIP ASAS

6. Prinsip asas pemberian kemudahan cuti belajar adalah seperti berikut :

i Kuasa melulus cuti belajar adalah di bawah tanggungjawab Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) kecuali bagi Kementerian/ Jabatan yang telah diwakilkan kuasa oleh KPPA;

i Cuti belajar boleh diberi kepada pegawai yang diluluskan mengikuti kursus atau pengajian yang melebihi tiga (3) bulan. Bagi kursus yang tempohnya tiga (3) bulan atau kurang, kelulusan menghadiri kursus yang diberikan oleh Ketua Jabatan adalah dianggap sebagai cuti menghadiri kursus;

- i. Pegawai yang telah mengikuti cuti belajar melebihi 12 bulan **di dalam atau luar negara**, boleh dipertimbangkan untuk mengikuti kursus jangka sederhana atau kursus jangka panjang yang berikutnya sama ada **di dalam atau luar negara** selepas **genap dua (2) tahun** tamat mengikuti kursus yang terdahulu dengan jayanya;
- iv. Pegawai yang telah mengikuti cuti belajar kurang 12 bulan tetapi melebihi 3 bulan **di dalam atau luar negara**, boleh dipertimbangkan untuk mengikuti kursus jangka sederhana atau kursus jangka panjang yang berikutnya sama ada **di dalam atau luar negara** selepas **genap satu (1) tahun** tamat mengikuti kursus yang terdahulu dengan jayanya;
- v. Pegawai yang diluluskan untuk mengikuti pengajian atas pembiayaan Badan Swasta, Badan Bukan Kerajaan, Badan Antarabangsa atau Negara Asing boleh diberi kemudahan cuti belajar mengikut kelayakan masing-masing;
- vi. Pegawai yang pernah diluluskan cuti belajar tetapi gagal kerana kelemahan akademik tidak layak diberi kemudahan cuti belajar dari kategori yang sama. Pegawai berkenaan hanya boleh dipertimbangkan kemudahan cuti belajar di bawah kategori yang **lebih rendah** daripada kategori cuti belajar yang telah diluluskan sebelumnya. Contohnya, pegawai yang diluluskan CBSG tetapi gagal disebabkan oleh kelemahan akademik hanya layak dipertimbangkan CBTG;
- vi. Pegawai yang sedang bercuti belajar dan dikenakan tindakan tatatertib / disiplin atau tindakan mahkamah, akan ditamatkan cuti belajar ;

- vi. Pegawai yang menarik diri tanpa izin/kelulusan daripada mengikuti kursus/pengajian setelah diluluskan cuti belajar tidak layak dipertimbangkan untuk kemudahan cuti belajar seterusnya;
 - ix. Pegawai yang ingin memohon kemudahan cuti belajar untuk Kursus Jangka Panjang, kursus yang diikuti oleh pegawai mestilah pada peringkat yang lebih tinggi daripada kelayakan akademik yang telah dimiliki;
 - x. Pegawai dalam Kumpulan Sokongan hanya boleh diberi kemudahan cuti belajar untuk pengajian di peringkat Sijil, Diploma dan / atau Ijazah Pertama sahaja;
 - xi. Tempoh cuti belajar **tidak boleh diambil kira** sebagai tempoh sedang berkhidmat bagi tujuan menyelesaikan tempoh ikatan perjanjian sebelumnya atau tempoh perkhidmatan wajib seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang melainkan dinyatakan sebaliknya; dan
 - xi. Pegawai yang diluluskan cuti belajar masih tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan lain-lain peraturan yang berkuat kuasa.
7. Kriteria pemberian cuti belajar, kesan terhadap perkhidmatan pegawai dan perkara lain yang berkaitan bagi setiap kategori cuti belajar adalah seperti di **Lampiran A, Lampiran B dan Lampiran C.**
8. Pegawai yang diluluskan cuti belajar akan dikenakan ikatan kontrak berkhidmat dengan Kerajaan dan sekiranya melanggar syarat-syarat dalam

perjanjian akan dikenakan tuntutan ganti rugi sebagaimana dasar yang sedang berkuatkuasa.

9. Bagi pegawai yang tidak dapat menghabiskan pengajian dalam tempoh yang telah ditetapkan, pelanjutan cuti belajar boleh dipertimbangkan sekiranya pegawai memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sebagaimana dasar yang sedang berkuatkuasa.

PERTANYAAN

10. Sebarang pertanyaan berkaitan dengan Garis Panduan Kemudahan Cuti Belajar Kepada Pegawai Awam Yang Mengikuti Kursus Jangka Sederhana Dan Kursus Jangka Panjang Secara Sepenuh Masa ini, hendaklah dirujuk kepada:

**Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Aras 6, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p: Unit Perancangan Dan Dasar Latihan)**

**Telefon : 03-88853677 / 3367 / 3362
Faks : 03-88810742 / 0743
Emel : dasarlatihan@jpa.gov.my**

LAMPIRAN A

A. CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH (CBBP)

Prinsip

1. Cuti ini diberikan kepada pegawai untuk mengikuti kursus bagi pembangunan kompetensi dan bukan untuk kemajuan kerjaya di mana kelayakan yang diperolehi tidak melayakkan pegawai dilantik ke kumpulan perkhidmatan yang lebih tinggi.

2. Pegawai layak mendapat kemudahan CBBP maksimum **dua kali** sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan bagi mengikuti kursus Jangka Panjang.

Syarat-syarat Pemberian

3. Pegawai perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan seperti berikut:
 - i. Berkhidmat secara tetap;
 - ii. Disahkan dalam skim perkhidmatan semasa;
 - iii. Memperoleh markah purata Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) sekurang-kurangnya 85 peratus bagi tempoh genap tiga (3) tahun kalendar berturut-turut;
 - iv. Diperakukan oleh Ketua Perkhidmatan/ Jabatan (Panel Pembangunan Sumber Manusia), mengikut yang mana berkenaan;
 - v. Berumur tidak melebihi 46 tahun untuk peringkat Sarjana dan tidak melebihi 44 tahun untuk peringkat Doktor Falsafah (Ph.D) (Kursus Jangka Panjang) pada tarikh tutup permohonan, tarikh memulakan pengajian atau satu tarikh yang ditetapkan penaja

mengikut mana yang berkenaan (**syarat had umur ini tidak terpakai bagi Program Hadiah Latihan Persekutuan**);

- vi. Berumur tidak melebihi 46 tahun untuk Kursus Jangka Sederhana pada tarikh tutup permohonan, tarikh memulakan pengajian atau satu tarikh yang ditetapkan penaja mengikut mana yang berkenaan;
- vii. Telah mendapat tempat di universiti/institusi untuk mengikuti kursus yang diluluskan;
- viii. Bebas daripada sebarang pertuduhan dan tindakan tatatertib;
- ix. Telah mengisytiharkan harta; dan
- x. Pegawai bukan merupakan Peminjam Tegar Pinjaman/ peminjam yang disenaraihitamkan oleh JPA atau badan-badan pinjaman Kerajaan yang lain.

Kategori Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP)

4. Kemudahan CBBP dibahagikan kepada tiga (3) kategori seperti berikut:

- i. Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa (CBBPDB);
- ii. Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Separa Biasiswa (CBBPSB);
dan
- iii. Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (CBBPTB)

Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa (CBBPDB)

5. CBBPDB boleh dipertimbangkan kepada pegawai yang diluluskan mengikuti Kursus Jangka Panjang atau Kursus Jangka Sederhana yang mendapat biasiswa di bawah tajaan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Asing/Badan Antarabangsa. Contoh kursus yang boleh dipertimbangkan

CBBPDB ialah kursus Ijazah Lanjutan (Sarjana dan Ph.D) di bawah Hadiah Latihan Persekutuan.

6. Pegawai di bawah tajaan Kerajaan Asing/ Badan Antarabangsa boleh dilanjutkan tempoh CBBP sekiranya diluluskan oleh penaja berkenaan sebagaimana dasar yang sedang berkuatkuasa.

Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Separa Biasiswa (CBBPSB)

7. CBBPSB boleh dipertimbangkan kepada pegawai yang telah diluluskan CBBPDB (kecuali bagi pegawai di bawah tajaan Kerajaan Asing/ Badan Antarabangsa) tetapi tidak dapat menamatkan kursus atau pengajian dalam tempoh yang telah ditetapkan. Pemberian ini adalah dalam bentuk pelanjutan tempoh cuti belajar yang mana dalam tempoh tersebut hanya yuran pengajian sahaja yang layak diberikan.

8. CBBPSB juga boleh dipertimbangkan kepada pegawai di bawah *Spouse Programme* sekiranya memenuhi syarat-syarat yang sedang berkuatkuasa.

Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (CBBPTB)

9. CBBPTB boleh dipertimbangkan kepada pegawai yang telah diluluskan CBBPSB tetapi masih tidak dapat menamatkan kursus atau pengajian dalam tempoh yang telah ditetapkan. Pemberian ini adalah dalam bentuk pelanjutan tempoh cuti belajar.

10. CBBPTB boleh juga dipertimbangkan kepada pegawai yang ingin mengikuti kursus di bawah syarat khas dalam skim perkhidmatan yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Kerajaan atau kursus-kursus

Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) seperti Penolong Jururawat atau Jururawat Masyarakat yang mengikuti latihan Jururawat Terlatih.

11. CBBPTB juga boleh dipertimbangkan kepada pegawai yang ingin mengikuti Kursus Jangka Sederhana atau Kursus Jangka Panjang dengan pembiayaan sendiri tertakluk kepada perkara-perkara di perenggan 2 dan perenggan 3.

Pergerakan Gaji

12. Pegawai yang diluluskan CBBP boleh diberi pergerakan gaji sebenar sepanjang tempoh kursus sebagaimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2002.

Kekananan

13. Tempoh CBBP tidak menjejaskan kekananan.

Pemangkuan

14. Pegawai yang sedang memangku apabila diluluskan CBBP yang melebihi 92 hari akan hilang kelayakan pemangkuannya sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 1993.

Penilaian Tahap Kecekapan

15. Pegawai boleh dibenarkan menduduki Penilaian Tahap Kecekapan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan sebagaimana Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2002. Pegawai perlu mendapatkan kelulusan Ketua Jabatan masing-masing di mana kos-kos berkaitan adalah di bawah tanggungan pegawai dan tidak menjejaskan pengajian.

Kenaikan Pangkat

16. Pegawai boleh dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat dalam tempoh mengikuti kursus tersebut sekiranya telah memenuhi syarat dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Bayaran Elaun dan kemudahan

17. Pembayaran elaun dan kemudahan kepada pegawai yang diluluskan Cuti Belajar Bergaji Penuh adalah tertakluk kepada syarat dan peraturan yang ditetapkan dari semasa ke semasa. Bayaran-bayaran yang terlibat adalah seperti di bawah :

i) Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal

Pegawai dalam perkhidmatan yang dibayar Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal dan telah diluluskan CBBP melebihi tiga bulan, tidak layak diberi Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal **kecuali** bagi Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pensyarah Perubatan yang mengikuti kursus Sarjana Perubatan atau Pergigian yang mana berkenaan.

ii) Imbuhan Tetap Perumahan

Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) akan diberi kepada pegawai sekiranya hanya diluluskan CBBP. Bagi pegawai yang diluluskan CBBP dengan ditawarkan biasiswa, mereka boleh memilih sama ada untuk menerima Imbuhan Tetap Perumahan atau Elaun Bantuan Sewa Rumah yang disediakan di bawah pakej biasiswa.

iii) Elaun Perumahan Wilayah

Elaun Perumahan Wilayah (EPW) tidak akan diberikan kepada pegawai yang mengikuti kursus melebihi 3 bulan.

- iv) Elaun Bantuan Sara Hidup dan Bayaran Insentif Wilayah**
Pegawai yang menghadiri kursus melebihi tiga (3) bulan di dalam atau di luar negeri adalah **TIDAK** memenuhi syarat kelayakan untuk dibayar Bayaran Insentif Wilayah (BIW). Oleh yang demikian, ketetapan telah dibuat bahawa:
- i) Pegawai yang mengikuti kursus/pengajian melebihi tiga (3) bulan di dalam negara akan dibayar Elaun Bantuan Sara Hidup untuk menggantikan BIW;
 - ii) pegawai yang berasal dan bertugas di Semenanjung Malaysia yang diluluskan CBBP untuk mengikuti kursus/pengajian di Sabah/Sarawak layak dibayar Bantuan Sara Hidup mengikut lokasi institusi pengajiannya;
 - iii) pegawai yang berasal dari Sabah/Sarawak dan bertugas di Semenanjung yang diluluskan CBBP untuk mengikuti kursus/pengajian di Semenanjung layak dibayar Bantuan Sara Hidup mengikut lokasi institusi pengajiannya;
 - iv) pegawai yang berasal dan bertugas di Sabah dan diluluskan CBBP untuk mengikuti kursus/pengajian di Sarawak layak menerima Bantuan Sara Hidup mengikut lokasi institusi pengajiannya; dan
 - v) pegawai yang berasal dan bertugas di Sabah dan diluluskan CBBP untuk mengikuti kursus/pengajian di Sabah layak menerima Bantuan Sara Hidup mengikut lokasi pengajiannya.

Elaun / Imbuhan Lain

18. Pegawai yang diluluskan CBBP layak menerima imbuhan/elaun lain dengan kadar penuh daripada jumlah yang berkeelayakan.

Faedah Persaraan

19. Tempoh CBBP boleh di masuk kira bagi tujuan pengiraan faedah persaraan atau faedah terbitan sepertimana diperuntukkan di bawah undang-undang pencen yang berkuatkuasa.

Tempoh Ikatan Kontrak Dan Tuntutan Gantirugi

20. Pegawai yang menerima kemudahan CBBP adalah dikenakan ikatan kontrak untuk berkhidmat dengan Kerajaan atau dikenakan tuntutan gantirugi sekiranya melanggar syarat-syarat perjanjian sebagaimana dasar yang sedang berkuatkuasa.

LAMPIRAN B

B. CUTI BELAJAR SEPARUH GAJI (CBSG)

Prinsip

1. Cuti ini diberi kepada pegawai dalam perkhidmatan Kumpulan Sokongan bagi mengikuti kursus di peringkat Sijil / Diploma / Ijazah Pertama di mana kelayakan yang diperolehi akan melayakkan pegawai dilantik ke kumpulan perkhidmatan yang lebih tinggi.

2. Pegawai layak mendapat kemudahan CBSG maksimum dua kali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan bagi mengikuti kursus Jangka Panjang.

Syarat-syarat Pemberian

3. Pegawai juga perlu memenuhi syarat-syarat seperti berikut :
 - i. Berkhidmat secara tetap;
 - ii. Disahkan dalam skim perkhidmatan semasa;
 - iii. Memperoleh markah purata Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) sekurang-kurang 85 peratus bagi tempoh sekurang-kurangnya genap tiga (3) tahun kalendar berturut-turut;
 - iv. Diperakukan oleh Ketua Perkhidmatan / Jabatan (Panel Pembangunan Sumber Manusia), mengikut yang mana berkenaan;
 - v. Berumur tidak melebihi 45 tahun pada tarikh tutup permohonan, tarikh memulakan pengajian atau satu tarikh yang ditetapkan penaja mengikut mana yang berkenaan;
 - vi. Telah mendapat tempat di universiti / institusi untuk mengikuti kursus yang diluluskan;
 - vii. Mengikuti kursus yang diiktiraf oleh Kerajaan;

- viii. Mempunyai keupayaan membiayai perbelanjaan yang berkaitan dengan kursus yang akan diikuti;
- ix. Mendapat kelulusan penangguhan bayaran hutang dengan Kerajaan sekiranya ada sebagaimana Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 11 Tahun 2005;
- x. Bebas daripada sebarang pertuduhan dan tindakan tatatertib;
- xi. Telah mengisytiharkan harta; dan
- xii. Pegawai bukan merupakan Peminjam Tegar Pinjaman / peminjam yang disenaraihitamkan oleh JPA atau badan-badan pinjaman Kerajaan yang lain.

Pergerakan Gaji

- 4. Pegawai yang diluluskan CBSG boleh diberi pergerakan gaji secara isyarat tidak lebih daripada tiga kali pergerakan gaji sepanjang tempoh perkhidmatan sebagaimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002.

Kekananan

- 5. Tempoh CBSG tidak menjejaskan kekananan.

Pemangkuan

- 6. Pegawai yang sedang memangku apabila diluluskan CBSG yang melebihi 92 hari akan hilang kelayakan pemangkuannya sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 1993.

Penilaian Tahap Kecekapan

7. Pegawai boleh dibenarkan menduduki Penilaian Tahap Kecekapan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan sebagaimana Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2002. Pegawai perlu mendapatkan kelulusan Ketua Jabatan masing-masing di mana kos-kos berkaitan adalah di bawah tanggungan pegawai dan tidak menjejaskan pengajian.

Kenaikan Pangkat

8. Pegawai boleh dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat dalam tempoh mengikuti kursus tersebut sekiranya telah memenuhi syarat dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Bayaran Elaun dan kemudahan

9. Pembayaran elaun dan kemudahan kepada pegawai yang diluluskan CBSG adalah tertakluk kepada syarat dan peraturan yang ditetapkan dari semasa ke semasa. Bayaran-bayaran yang terlibat adalah seperti di bawah :

i) Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal

Pegawai dalam perkhidmatan yang dibayar Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal dan telah diluluskan CBSG melebihi tiga bulan tidak layak diberi Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal.

ii) Imbuhan Tetap Perumahan

Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) akan diberi kepada pegawai sekiranya hanya diluluskan CBSG dengan kadar separuh daripada jumlah yang berkecukupan. Bagi pegawai yang diluluskan CBSG dengan ditawarkan biasiswa, mereka boleh memilih sama ada untuk menerima Imbuhan Tetap Perumahan

atau Elaun Bantuan Sewa Rumah yang disediakan di bawah pakej biasiswa.

iii) Elaun Perumahan Wilayah

Elaun Perumahan Wilayah (EPW) tidak akan diberikan kepada pegawai yang mengikuti kursus melebihi 3 bulan.

iv) Elaun Bantuan Sara Hidup dan Bayaran Insentif Wilayah

Pegawai yang menghadiri kursus melebihi tiga (3) bulan di dalam atau di luar negeri adalah **TIDAK** memenuhi syarat kelayakan untuk dibayar Bayaran Insentif Wilayah (BIW). Oleh yang demikian, ketetapan telah dibuat bahawa:

- i) Pegawai yang mengikuti kursus/pengajian melebihi tiga (3) bulan di dalam negara akan dibayar Elaun Bantuan Sara Hidup untuk menggantikan BIW;
- ii) Pegawai yang berasal dan bertugas di Semenanjung Malaysia yang diluluskan CBSG untuk mengikuti kursus/pengajian di Sabah / Sarawak layak dibayar Bantuan Sara Hidup atas kadar separuh mengikut lokasi institusi pengajiannya;
- iii) Pegawai yang berasal dari Sabah / Sarawak dan bertugas di Semenanjung yang diluluskan CBSG untuk mengikuti kursus/pengajian di Semenanjung layak dibayar Bantuan Sara Hidup atas kadar separuh mengikut lokasi institusi pengajiannya;
- iv) Pegawai yang berasal dan bertugas di Sabah dan diluluskan CBSG untuk mengikuti kursus/pengajian di

- Sarawak layak menerima Bantuan Sara Hidup atas kadar separuh mengikut lokasi institusi pengajiannya; dan
- v) Pegawai yang berasal dan bertugas di Sarawak dan diluluskan CBSG untuk mengikuti kursus/pengajian di Sabah layak menerima Bantuan Sara Hidup atas kadar separuh mengikut lokasi pengajiannya.

Elaun / Imbuhan Lain

10. Pegawai yang diluluskan CBSG layak menerima imbuhan / elaun lain dengan kadar separuh daripada jumlah yangberkelayakan.

Faedah Persaraan

11. Tempoh CBSG boleh dimasukkan kira bagi tujuan pengiraan faedah persaraan atau faedah terbitan sepertimana diperuntukkan di bawah undang-undang pencen yang berkuatkuasa.

Tempoh Ikatan Kontrak Dan Tuntutan Gantirugi

12. Pegawai yang menerima kemudahan CBSG adalah dikenakan ikatan kontrak untuk berkhidmat dengan Kerajaan atau dikenakan tuntutan gantirugi sekiranya melanggar syarat-syarat perjanjian sebagaimana dasar yang sedang berkuatkuasa.

LAMPIRAN C

C. CUTI BELAJAR TANPA GAJI (CBTG)

Prinsip

1. Cuti ini diberikan kepada pegawai bagi mengikuti kursus di peringkat Pra-Ijazah (Sijil atau Diploma), Ijazah Pertama atau Ijazah Lanjutan yang tidak layak dipertimbangkan kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh atau Cuti Belajar Separuh Gaji.

2. Pegawai layak mendapat kemudahan CBTG maksimum dua (2) kali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan, sama ada kursus di peringkat Sijil / Diploma / Ijazah Pertama atau Ijazah Lanjutan. Kelulusan kali kedua boleh dipertimbangkan di peringkat pengajian yang lebih tinggi daripada yang sebelumnya.

Syarat-syarat

3. Pegawai perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan seperti mana berikut:

- i. Berkhidmat secara tetap;
- ii. Disahkan dalam skim perkhidmatan semasa;
- iii. Memperoleh markah purata Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) sekurang-kurang 85 peratus bagi tempoh sekurang-kurangnya genap dua (2) tahun kalendar berturut-turut;
- iv. Diperakukan oleh Ketua Perkhidmatan / Jabatan (Panel Pembangunan Sumber Manusia), mengikut yang mana berkenaan;
- v. Berumur tidak melebihi 45 tahun bagi pengajian di peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah Pertama, 46 tahun bagi pengajian di peringkat Sarjana dan 44 tahun bagi pengajian di peringkat

Ph.D pada tarikh tutup permohonan, tarikh memulakan pengajian atau satu tarikh yang ditetapkan penaja mengikut mana yang berkenaan;

- vi. Telah mendapat tempat di universiti / institusi pengajian;
- vii. Mengikuti kursus yang diiktiraf oleh Kerajaan;
- viii. Mempunyai keupayaan membiayai perbelanjaan yang berkaitan dengan kursus yang akan diikuti;
- ix. Mendapat kelulusan penangguhan bayaran hutang dengan Kerajaan sekiranya ada sebagaimana Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 11 Tahun 2005;
- x. Bebas daripada sebarang pertuduhan dan tindakan tatatertib;
- xi. Telah mengisytiharkan harta; dan
- xii. Pegawai bukan merupakan Peminjam Tegar Pinjaman / peminjam yang disenaraihitamkan oleh JPA atau badan-badan pinjaman Kerajaan yang lain.

Pergerakan Gaji

4. Pegawai yang diluluskan CBTG boleh diberi pergerakan gaji secara isyarat tidak lebih daripada tiga kali pergerakan gaji sepanjang tempoh perkhidmatan sebagaimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002.

Kekananan

5. Tempoh CBTG layak diambil kira untuk kekananan.

Pemangkuan

6. Pegawai yang sedang memangku apabila diluluskan CBTG yang melebihi 92 hari akan hilang kelayakan pemangkuannya sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 1993.

Penilaian Tahap Kecekapan

7. Pegawai boleh dibenarkan menduduki Penilaian Tahap Kecekapan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan sebagaimana Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2002. Pegawai perlu mendapatkan kelulusan Ketua Jabatan masing-masing di mana kos-kos berkaitan adalah di bawah tanggungan pegawai dan tidak menjejaskan pengajian.

Kenaikan Pangkat

8. Pegawai boleh dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat dalam tempoh mengikuti kursus tersebut sekiranya telah memenuhi syarat dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Bayaran Elaun dan Kemudahan

9. Pegawai yang diluluskan CBTG tidak layak menerima sebarang gaji, Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal, Imbuhan Tetap Perumahan, Elaun Perumahan Wilayah dan elaun-elaun lain mengikut peraturan yang berkuat kuasa.

Faedah Persaraan

10. Tempoh CBTG boleh di masuk kira untuk tujuan pengiraan faedah persaraan atau faedah terbitan sepertimana diperuntukkan di bawah undang-undang pencen tertakluk kepada syarat memenuhi semua kriteria sebagaimana yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1998.

Tempoh Ikatan Kontrak Dan Tuntutan Gantirugi

11. Pegawai yang menerima kemudahan CBTG adalah dikenakan ikatan kontrak untuk berkhidmat dengan Kerajaan atau dikenakan tuntutan gantirugi sekiranya melanggar syarat-syarat perjanjian sebagaimana dasar yang sedang berkuatkuasa.

**JENIS-JENIS TINDAKAN PENALTI YANG DIKENAKAN KEPADA PEMEGANG
BIASISWA DALAM PERKHIDMATAN YANG GAGAL MENAMATKAN PENGAJIAN
DENGAN JAYA**

BIL.	PERKARA	PENALTI YANG DIKENAKAN
1.	Masalah disiplin	<ul style="list-style-type: none"> i. Bayaran gantirugi sepenuhnya atas kadar yang ditetapkan di dalam perjanjian; ii. Pelaksanaan kontrak berkhidmat dengan Kerajaan; iii. Tidak layak ditawarkan Biasiswa Dalam Perkhidmatan sepanjang tempoh berkhidmat dengan Kerajaan; dan iv. Tidak layak dipertimbangkan sebarang bentuk Cuti Belajar di sepanjang tempoh perkhidmatan.
2.	Menarik diri	<ul style="list-style-type: none"> i. Bayaran gantirugi sepenuhnya atas kadar yang ditetapkan di dalam perjanjian; ii. Pelaksanaan kontrak berkhidmat dengan Kerajaan; iii. Tidak layak ditawarkan Biasiswa Dalam Perkhidmatan sepanjang tempoh berkhidmat dengan Kerajaan; dan iv. Tidak layak dipertimbangkan sebarang bentuk Cuti Belajar di sepanjang tempoh perkhidmatan kecuali sebab tarik diri adalah di atas kepentingan perkhidmatan (yang dapat dibuktikan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan).
3.	Tidak mencapai markah lulus / syarat siswazah yang ditetapkan oleh university / kolej / institusi	<ul style="list-style-type: none"> i. Bayaran gantirugi sepenuhnya atas kadar yang ditetapkan di dalam perjanjian; ii. Pelaksanaan kontrak berkhidmat dengan Kerajaan; dan iii. Tidak layak ditawarkan Biasiswa Dalam Perkhidmatan sepanjang tempoh berkhidmat dengan Kerajaan.
4.	Tamat tempoh penajaan	<ul style="list-style-type: none"> i. Bayaran gantirugi sepenuhnya atas kadar yang ditetapkan di dalam perjanjian; ii. Pelaksanaan kontrak berkhidmat dengan Kerajaan; iii. Tidak layak ditawarkan Biasiswa Dalam Perkhidmatan sepanjang tempoh berkhidmat dengan Kerajaan; dan iv. Tidak layak dipertimbangkan sebarang bentuk Cuti Belajar di sepanjang tempoh perkhidmatan.

PENGECUALIAN KEPADA TUNTUTAN GANTIRUGI		
5.	<p>Penyakit yang boleh menjejaskan keupayaan untuk mengamalkan perubatan (<i>unfit to practice</i>) dari segi fizikal dan mental seperti yang terkandung di dalam Akta Perubatan 1971 seperti di Lampiran 1)</p>	<ul style="list-style-type: none"> i. Tiada tuntutan gantirugi dikenakan; ii. Pelaksanaan kontrak berkhidmat dengan Kerajaan; dan iii. Tidak layak ditawarkan biasiswa dalam perkhidmatan sepanjang tempoh berkhidmat dengan Kerajaan.

Kutipan balik gantirugi akan dibuat sebaik sahaja pegawai ditamatkan penajaan kerana gagal menamatkan pengajian dengan jaya.